

# Golongan yang 'mainkan' isu pindaan dibidas

PULAU PINANG, Jumaat — Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam, hari ini membidas golongan yang cuba menggunakan media massa untuk memainkan isu pindaan Perlembagaan dan mewujudkan gerakan anti-Mahathir.

Katanya, masalah Perlembagaan sudah selesai, tetapi ada akhbar yang masih memainkan isu itu dan ada orang-orang yang berkedudukan tinggi sanggup menyalahgunakan kebebasan.

"Tulisan Tan Sri Tan Chee Koon amat mengecewakan saya kerana masalah telah selesai," katanya ketika merasmikan "Seminar Komunikasi Malaysia" anjuran Ba-

hagian Komunikasi Massa Universiti Sains Malaysia, di sini pagi tadi.

"Sebagai pengamal komunikasi kita harus bertanggungjawab dan tidak seharusnya menggunakan ruangan untuk membidas sesuatu golongan secara melulu," katanya.

"Isu itu sudah tamat. Kenapa masih ada orang yang masih mahu membesar-besarkan dan cuba membuat tafsiran sendiri serta menanam kesangsian di kalangan masyarakat?"

"Jika saya di tempat mereka, saya akan mengesyorkan isu itu dibawa ke mahkamah kerana hanya mahkamah saja yang dapat menentukannya, bukan dengan membuat tafsiran sendiri," tambah beliau.

Datuk Seri Mohd Adib berkata,

walaupun kita memberi kebebasan menyuarakan sesuatu dalam akhbar, tetapi kebebasan itu haruslah dihargai dan digunakan dengan sewajarnya, bukan menimbulkan kesangsian.

"Tulisan itu bukan saja menimbulkan kesangsian, malah ia cuba mewujudkan gerakan anti-Mahathir dan secara tidak langsung mahu menjatuhkan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Oleh itu, katanya, sudah tiba masanya kita mengkaji semula kedudukan akhbar dan kebebasan menyuarakan sesuatu kerana adakalanya ia menjadi sensitif, terutama dalam masyarakat majmuk.

Datuk Seri Mohd Adib juga menarik perhatian 300 peserta semina-

nar dari pusat pengajian tinggi, kakitangan akademik, pegawai-pegawai kerajaan dan individu dari sektor swasta mengenai pengiklanan di negara ini.

Katanya: "Kita akan menubuhkan badan penasihat mengenai iklan kerana tugas iklan dan pengaruhnya dalam masyarakat amat besar, terutama kepada anak-anak."

"Oleh kerana tugas dan pengaruh yang besar, kita sering menghadapi masalah sampingan seperti keselamatan dan moral. Jadi, kita terpaksa mengkaji semula berlandaskan sesuatu norma dalam pengiklanan."

Bellau berkata, kita harus menitikberatkan keadaan emosi dan mental penonton dan perlu mengajukan sesuatu peraturan kerana pengiklan boleh meronggakan sosio-budaya sesuatu masyarakat.

Mengenai media kerajaan, Datuk Seri Mohd Adib kekal dengan sikap yang prejudis terhadapnya dengan menganggap ia adalah semata-mata propaganda.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia